



DR Mohamad Fazli bersama pelajar bermain Kit Bijak Wang, semalam.

UPM perkenal kit didik urus wang cara Islam

Serdang: Dengan tema, ‘Anak Bijak, Cerdik Duit’, Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan Kit Bijak Wang, satu inovasi terbaru bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa dan pendidik mengenai amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah.

Inovasi berkenaan selaras dengan Strategi Keupayaan Kewangan Negara diterajui Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat negara ini.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajaran Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia UPM, Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, kit berkenaan agak unik kerana ia adalah program pendidikan berkonsepkan kewangan Islam yang disasarkan kepada kanak-kanak berusia antara enam hingga 12 tahun.

“Kanak-kanak perlu dididik mengenai kepentingan dan pengurusan wang dalam kehidupan seterusnya menghindarkan kes muflis dalam kalangan generasi muda yang semakin meningkat.

“Kebanyakan kes muflis berpunca akibat masalah hutang kad kredit, sewa beli kenderaan serta pinjaman rumah berikutnya tidak di-dedahkan dengan pengurusan kewangan secara berhemah,” katanya ketika di-temui di sini, semalam.

Menurutnya, berdasarkan kajian dijalankan pihaknya membuktikan kanak-kanak berusia seawal enam tahun berupaya mengadaptasi amalan pengurusan kewangan secara berhemah ketika dewasa jika didekahkan

“Kanak-kanak akan didekahkan dengan nilai murni seperti bersedekah, berjimat dan menabung menerusi enam unit asas mengenai pendidikan kewangan yang disediakan dalam kit berkenaan”

Dr Mohamad Fazli Sabri

dengan pengetahuan dan kemahiran menguruskan-nya.

“Jadi menerusi Kit Bijak Wang, semua pengurusan wang terdiri daripada pelbagai aktiviti berbentuk santai yang disusun mengikut kesesuaian peringkat usia dan perkembangan kanak-kanak.

“Aktiviti boleh dilakukan secara bersendirian, rakan dan keluarga selain digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di rumah atau sekolah,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, kit berkenaan turut mengajar kanak-kanak membezakan antara keperluan dan kehendak menerusi kuiz yang disertakan dalam permainan berkenaan.

“Kanak-kanak akan didekahkan dengan nilai murni seperti bersedekah, berjimat dan menabung menerusi enam unit asas mengenai pendidikan kewangan yang disediakan dalam kit berkenaan,” katanya,